

TATACARA PELANTIKAN JURUKUR

KANDUNGAN TAKLIMAT

- I. Perolehan Perunding Secara AM
- II. Tujuan
- III. Kod Bidang Perunding
- IV. Had Nilai Kaedah Perolehan Perunding
- V. Jawatankuasa Penilaian Perunding & Pihak Berkuasa Melulus
- VII. Surat Permohonan Kelulusan Khas
- VIII. Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya



Bahagian Ukur Tanah
Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Kementerian Kewangan Malaysia

PEMAKAIAN PEROLEHAN PERUNDING SECARA AM

1

Semua Agensi Kerajaan yang diberi peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan perlu patuh kepada peraturan Kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF).

2

Perolehan Perunding Secara Am menguna pakai Pekeliling Perbendaharaan PK3.1 hingga PK3.10

3

perkhidmatan perunding ukur tanah dalam perolehan Kerajaan adalah perunding yang dilantik oleh sesebuah Agensi Kerajaan berdasarkan kepakaran dan pengalaman perunding tersebut bagi melaksanakan sesebuah projek pembangunan fizikal/kajian

TUJUAN



Perolehan Perunding



Memaklumkan peraturan perolehan perkhidmatan perunding bagi pelaksanaan projek pembangunan fizikal dan kajian Kerajaan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan



PERUNTUKAN LANGSUNG

1. Pembiayaan sepenuhnya kos projek; atau
2. Pembiayaan sebahagian kos projek


PINJAMAN

1. Kerajaan Tempatan/Asing ; atau
2. Institusi kewangan tempatan/asing

GERAN

1. Kerajaan Tempatan/ Asing; atau
2. Institusi kewangan tempatan/asing

DEFINISI PERUNDING PERKHIDMATAN



KATEGORI PERUNDING



FIZIKAL

- Arkitek
- Kejuruteraan
- Ukur Bahan
- Perancang Bandar & Desa
- Hiasan Dalaman
- Alam Sekitar
- **Ukur Tanah & Lain-Lain Kerja-Kerja Ukur**
- Penilaian Harta
- Kajian Fizikal yang melibatkan bidang-bidang di atas

BUKAN FIZIKAL

- Sosio Ekonomi
- Kewangan
- Pertanian
- Multimedia & Perhubungan
- Kajian yang melibatkan bidang-bidang di atas



KOD BIDANG PERUNDING

FIZIKAL

A. BIDANG KEJURUTERAAN-33000

- 330101 – Kej. Awam
- 330102 – Kej. Struktur
- 330103 – Kej. Elektrik
- 330104 – Kej. Mekanikal
- 330105 – Kej. Elektronik
- 330106 – Kej. Kimia
- 330107 – Kej. Perlombongan
- 330108 – Kej. Marin
- 330109 – Kej. Geologi
- 330110 – Kej. Industri
- 330111 – Kej. Naval Architecture
- 330112 – Kej. Aeroangkasa

B. BIDANG BUKAN KEJURUTERAAN-33000

- 330201 – Arkitek
- 330202 – Ukur Bahan
- 330203 – Ukur Tanah
- 330204 – Penilaian Harta
- 330205 – Hiasan Dalaman
- 330206 – Arkitek Lanskap
- 330207 – Perancangan Bandar & Wilayah

BUKAN FIZIKAL

- A. BIDANG SOSIO EKONOMI-34000
- B. BIDANG PENGANKUTAN-34000
- C. BIDANG MARIN-34000
- D. BIDANG KEWANGAN-34000
- E. BIDANG PERTANIAN-34000
- F. INFORMASI DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
(ICT)-34000
- G. PENCAHAYAAN DAN BUNYI-34000
- H. PERUNDANGAN-34000
- I. TENAGA--34000

HAD NILAI KAEDAH PEROLEHAN PERUNDING

	LTBK	TENDER TERBUKA
Pembangunan Fizikal (Kos Projek)	sehingga RM50 Juta	melebihi RM50 Juta
Kajian (Kos Kajian)	sehingga RM5 Juta	melebihi RM500 Ribu
Kerja Ukur (Kos Kerja Ukur)	sehingga RM500 ribu	melebihi RM500 Ribu

J/K PENILAIAN PERUNDING – PROJEK FIZIKAL

1



Bagi Jabatan Teknik

- Satu (1) Ketua Agensi Pelaksana/Wakil-Pengerusi

2



Sekurang-kurangnya 3 ahli

- Satu dalam kumpulan Skim Perkhidmatan 'J' daripada Jabatan Teknik
- Satu pegawai yang berkecualan daripada Agensi Pelaksana
- Satu pegawai daripada Bahagian yang menguruskan perkhidmatan perunding

3



Ahli hendaklah berkecualan akademik sekurang-kurangnya diploma dan ke atas



Korum Mesyuarat

- Empat (4) atau lebih pegawai yang terdiri daripada:
 - ☐ Pengerusi; dan
 - ☐ Sekurang-kurangnya satu (1) ahli P&P drpd setiap kategori di atas

J/K PENILAIAN PERUNDING

1. Mempertimbangkan Terma Rujukan (TOR) yang disediakan oleh Pegawai Meja
2. Mempertimbangkan Perincian Anggaran Kos Perkhidmatan Perunding yang disediakan oleh Pegawai Meja
3. Menyemak dan menilai Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos perunding
4. Membuat pelarasan semula kos perkhidmatan perunding terhad bagi kesilapan/arithmetic dan kos imbuhan balik sahaja (bagi Tender Terhad/Terbuka)
5. Memperakukan firma perunding yang disenarai pendek untuk pertimbangan dan kelulusan PBM
6. Mempertimbangkan Senarai Pendek Perunding yang diperakukan oleh Agensi (bagi Tender Terhad)
7. Menetapkan kriteria dan sub kriteria penilaian bagi Penilaian Teknikal dan Penilaian Kos sebelum Dokumen Pelawaan disediakan
8. Menetapkan markah lulus bagi Penilaian Teknikal serta wajaran bagi Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos untuk penilaian keseluruhan sebelum Dokumen Pelawaan disediakan atau Cadangan Perunding dibuka
9. Membuat Penilaian Teknikal dan Penilaian Kos secara bermesyuarat dan setiap ahli hendaklah menilai kesemua cadangan yang diedarkan secara individu
10. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semakan dan perakuan yang dikemukakan kepada PBM

CONTOH SURAT PELAWAAN



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN
Tingkat 8, Blok F
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Telefon : (03) 2610 7214
: (03) 2610 7250
Faksimil : (03) 2693 5273
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>

SURAT PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN SECARA LANTIKAN TERUS BESERTA KOS SILING

Rujukan: (4) dlm. PKR.PUM/U/001/W/KS/20/077
Tarikh : 2-2 Jun 2020

MERIDIAN SURVEY CONSULTANTS
TINGKAT 5, LOT 03 MENARA TH SELBORN
153, JALAN TUN RAZAK
50400
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Tel: 03-26810075
Fax: 03-22028588

Tuan,

PROJEK/ KAJIAN : PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN MARKAS PEMERINTAHAN
PENDIDIKAN DAN LATIHAN ATM (MK PPL ATM), MAKTAB
PERTAHANAN NASIONAL (MPN), GARAJ KENDERAAN
TENTERA, DAN SETOR SENJATA BAGI PUSAT PENGAJIAN
PERTAHANAN NASIONAL (PUSPAHANAS)

PERKARA : PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN BAGI PERUNDING

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan berhasrat mempelawa tuan untuk mengemukakan cadangan bagi perkhidmatan perunding untuk melaksanakan projek/ kajian seperti berikut:

Bil.	Perkara	Maklumat
1	Nama Projek/ Kajian:	PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN MARKAS PEMERINTAHAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN ATIM (MK PPL ATM), MAKTAB PERTAHANAN NASIONAL (MPN), GARAJ KENDERAAN TENTERA, DAN SETOR SENJATA BAGI PUSAT PENGAJIAN PERTAHANAN NASIONAL (PUSPAHANAS)
2	Anggaran Kos Projek/ kajian:	-
3	Tempoh Projek/ Kajian:	1.5 Bulan
4	Kategori Projek/ kajian:	Ukur tanah (Sikap Kerja Topografi, Utiliti, hidrografi)
5	Kod & Nama Bidang Perkhidmatan Perunding:	330203 / Ukur Tanah
6	Kaedah Perlantikan:	Lantikan Terus Berserta Kos Siling
7	Kaedah Bayaran Yuran Perunding:	Yuran Tetap (Fixed Fee)
8	Kos Siling Perkhidmatan Perunding:	RM 85,880.89(Tidak Termasuk SST)
9	Terma Rujukan:	Seperti Lampiran
10	Tempoh Minimum Sah Laku Tawaran Yang ditetapkan oleh Agensi:	Tempoh sah laku 90 hari daripada tarikh surat pelawaan.

PELANTIKAN RASMI PERUNDING



SURAT SETUJU TERIMA

- Dikeluarkan selepas kos dimuktamadkan
- Dilampirkan sebahagian daripada perjanjian

No. * LTBKS/ Tender/Kontrak : JKR/PP/IP/CKIP/170/2020



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50582 KUALA LUMPUR

Telefon (TO) : (03)26107214
(TT) : (03)26107288
Faksimili : (03)26825273
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>

SURAT SETUJU TERIMA

(Bagi *Lantikan Terus Beserta Kos Siling/Tender Perunding)
Untuk Perolehan Dengan Firma Perunding Yang Berdaftar Di Bawah JKDM Bagi Perkhidmatan
Perunding Yang Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018

Rujukan Kami: (18) jdm.PKR.PUMU/001/W/IKS/20/077
Tarikh : 30 Jun 2020

MERIDIAN SURVEY CONSULTANTS
TINGKAT 5, LOT 03, MENARA TH SELBORN
153, JALAN TUN RAZAK
50400 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN

Tuan,

*Lantikan Terus Beserta Kos Siling /Tender Untuk : CADANGAN MEMBINA BANGUNAN
MARKAS PEMERINTAHAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN ATM (MK PPL ATM), MARKAS
PERTAHANAN NASIONAL (MPN), GARAJ KENDERAAN TENTERA DAN SETOR SENJATA
BAGI PUSAT PENGAJIAN PERTAHANAN NASIONAL (PUSPAHANAS).

No. * Lantikan Terus Beserta Kos Siling /Tender/Kontrak : JKR/PP/IP/CKIP/170/2020

Dengan ini dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menerima tawaran *Lantikan terus
beserta kos siling (LTBKS) / tender syarikat tuan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia Tujuh
Puluh Tujuh Ribu Seratus Empat Puluh Lima dan Lima Puluh Enam Sen (RM77,145.56)** yang
merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama **12 bulan** tertakluk kepada
dokumen *LTBKS/tender yang menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima
ini berserta dengan **Lampiran A** kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak
(selepas ini disebut sebagai "Surat ini").

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara
Kerajaan dengan syarikat tuan. Satu dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dengan kadar
segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen *LTBKS/tender serta semua
terma dalam **Lampiran A**. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah
terus mengikat kedua-dua pihak.

3. Harga kontrak adalah termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak **6%** cukai perkhidmatan
memandangkan perkhidmatan ini dikenakan cukai dan syarikat tuan berdaftar dengan Jabatan
Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Pembayaran cukai perkhidmatan ini adalah dikira berdasarkan
tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM.

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :

Tandatangan & Cop (Syarikat) :



ISU BERBANGKIT

- Kaedah Lantikan Terus Beserta Kos Siling sedia ada melibatkan **terlalu banyak mesyuarat** yang berasingan bagi **pemilihan nama** serta **penetapan kos siling** sebelum Surat Setuju Terima dapat dikeluarkan kepada perunding ukur tanah.
- Perlu menunggu semua ahli mesyuarat berkelapangan masa untuk cukupkan ahli mesyuarat untuk bersidang.
- Pegawai bertukar dan pelbagai pindaan perlu dibuat menyukarkan kata sepakat diperolehi
- Kerja – kerja ukur tanah merupakan kerja awalan yang perlu dilaksanakan dengan kadar yang segera di tapak bagi membolehkan kerja merekabentuk dimulakan. Kelewatan pelaksanaan kerja ukur tanah akan menyebabkan kelewatan proses merekabentuk serta membantutkan pelaksanaan projek secara keseluruhan.

PELANTIKAN RASMI PERUNDING



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8862 4352
Web : www.treasury.gov.my

Ruj. Kaml : MOF.BPK(S)600-1/3/47 JLD.2(5-)

CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN

☐ (M) ☐ (PU) ☒ (UT) ☒ (PMO)	☐ (MO) ☐ (UR) ☐ (S) ☐ (MEG) ☐ (DDT)
--	--

12 JUL 2019

YBhg. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Hj. Osman
Ketua Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Aras 33, Menara Kerja Raya
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur

YBhg. Dato',

PERMOHONAN KELULUSAN KHAS UNTUK MELAKSANAKAN PELANTIKAN PERUNDING UKUR TANAH MELALUI KAEDAH LANTIKAN TERUS SECARA PENGGILIRAN BAGI KOS KERJA UKUR SEHINGGA RM500 RIBU

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) bil. (10) dalam rujukan PKR/PUM/K/FAIL AM/012 Jld VII bertarikh 4 Jun 2019 mengenai perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan (MOF) telah meneliti permohonan JKR dan bersetuju meluluskan pelaksanaan pelantikan Perunding Ukur Tanah melalui kaedah lantikan terus secara penggiliran bagi kos kerja ukur sehingga RM500 ribu tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 2.1 Pengecualian khas ini diberikan kepada pelantikan perunding ukur tanah sahaja dan tidak boleh dijadikan 'precedent' untuk pelantikan bidang perunding yang lain;
- 2.2 Perunding Ukur Tanah yang akan disenaraikan dalam Senarai Daftar Induk hendaklah berdaftar dengan MOF. Senarai ini akan dibahagikan mengikut lokaliti (negeri), diperakui oleh satu Jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pelulus Senarai Nama Perunding Ukur Tanah JKR Malaysia dan perlu diperbaharui setiap enam (6) bulan sekali;
- 2.3 Keahlian Jawatankuasa Pelulus Senarai Nama Perunding Ukur Tanah JKR Malaysia adalah seperti berikut:

Keahlian Jawatankuasa Pelulus Senarai Nama Perunding Ukur Tanah

Pengerusi:
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya

Ahli:
(i). Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur dan Pengangkutan;
(ii). Pengarah Cawangan Jalan (CJ)/wadi; dan
(iii). Pengarah Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan (CKUB)/wadi

Urus Setia:
Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur dan Pengangkutan

Tel : 03-2618 8421
Faks : 03-2618 8799

12/7

Kementerian Kewangan (MOF) pada 12 Julai 2019 telah memberi kelulusan khas untuk melaksanakan pelantikan perunding ukur tanah melalui kaedah lantikan terus secara penggiliran bagi kos kerja ukur sehingga RM500,000.00 melalui surat kelulusan bil. MOF.BPK(S)600-1/3/47 JLC.2(5) bertarikh 12 Julai 2019.

SURAT ARAHAN

KPKR BIL 3/2020



KETUA PENGARAH KERJA RAYA
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS

Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 18 (10)
Tarikh : 13 Januari 2020

Semua Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri
Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah/Pengurus Pembinaan
Pengarah JKR KESEDAR
Pengarah JKR KETENGAH
Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 3/2020

KELULUSAN KHAS PEROLEHAN UNTUK MELAKSANAKAN PELANTIKAN
PERUNDING UKUR TANAH MELALUI KAEDAH LANTIKAN TERUS SECARA
PENGILIRAN BAGI KOS KERJA UKUR SEHINGGA RM500 RIBU

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Arahkan ini bertujuan untuk memaklumkan kelulusan khas Kementerian Kewangan (MOF) kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melaksanakan pelantikan Perunding Ukur Tanah melalui kaedah lantikan terus secara penggiliran bagi kos kerja ukur sehingga RM500 ribu. Kelulusan ini diberikan kepada JKR melalui surat kelulusan rujukan MOF.BPK(S)600-1/3/47 JLD.2(5) bertarikh 12 Julai 2019.

**KELULUSAN KHAS
PEROLEHAN UNTUK
MELAKSANAKAN
PELANTIKAN PERUNDING
UKUR TANAH MELALUI
KAEDAH LANTIKAN TERUS
SECARA PENGILIRAN
BAGI KOS KERJA UKUR
SEHINGGA RM500 RIBU**

**JKR.KPKR;121.010/05Jld.18
(10) bertarikh 13 Januari
2020.**

KAEDAH PEROLEHAN PERUNDING UKUR TANAH

CKIP

- Menguruskan permohonan perolehan daripada semua HOPT di Cawangan JKR Ibu Pejabat (tidak termasuk Caw Jalan)

CJ

- Menguruskan permohonan perolehan daripada HOPT/HODT di Caw Jalan

JKR NEGERI

- Menguruskan semua permohonan perolehan di peringkat negeri

TATACARA PEROLEHAN PERUNDING UKUR TANAH DI PERINGKAT CKIP

- Pihak HOPT diminta untuk mengemukakan permohonan perolehan perkhidmatan perunding kepada Bahagian Ukur Tanah, CKIP sepertimana di bawah;
 - Ringkasan Skop Perkhidmatan Ukur Tanah
 - Peruntukan perkhidmatan perunding yang diluluskan
 - Pelan Akui atau geran hakmilik sementara
 - Pernyataan jarak koridor daripada sempadan lot atau tapak projek yang diperlukan
 - Keperluan-keperluan lain yang berkaitan: Contoh saiz minimum ukur lilit bagi butiran pokok

SURAT EDARAN

PERMOHONAN KERJA

UKUR



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN
 Tingkat 8, Blok F
 Ibu Pejabat JKR Malaysia
 Jalan Sultan Salahuddin
 50582 Kuala Lumpur

Telefon : (03) 2610 7214
 : (03) 2610 7209
 Faksimili : (03) 2693 5273
 Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>

Ruj. Kami : (29) dim. PKR.PUM.UT/07/02
 Tarikh : 20 Disember 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PERKARA: SENARAI KEPERLUAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN KERJA UKUR TANAH MELALUI KAEDAH LANTIKAN SECARA PENGILIRAN BAGI KOS KERJA UKUR SEHINGGA 500 RIBU

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana sedia maklum, Kementerian Kewangan (MOF) telah bersetuju meluluskan pelaksanaan pelantikan Perunding Ukur Tanah melalui kaedah lantikan terus secara penggiliran bagi kos kerja ukur sehingga 500 Ribu melalui surat nombor rujukan MOF.BPK (S)600-1/3/47 JLD.2 (5) bertarikh 12 Julai 2019.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengemukakan dokumen yang lengkap sepertimana di **Lampiran A** agar permohonan tersebut dapat diproses dan diselesaikan dengan segera. Dimaklumkan juga, menjadi tanggungjawab YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk memastikan hanya permohonan yang lengkap sahaja di hantar untuk permohonan kerja ukur tanah.

4. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.
 Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(Ir. MOHAMED AMIN BIN KASIM)

Pengarah
 Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan
 Ibu Pejabat JKR Malaysia



LAMPIRAN A

BAHAGIAN UKUR TANAH
CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN

SENARAI SEMAK MENGEKAMUKAKAN PERMOHONAN KERJA UKUR SECARA DALAMAN / LANTIKAN PERUNDING

1. Sila tandakan (✓) pada kotak yang berkenaan

Ukur Butiran Topografi ☐
 Ukur Pemetaan Utiliti Bawah Tanah ☐
 Ukur Hidrografi ☐

2. Kementerian / Agensi yang memohon :
3. Cawangan HOPT :
4. Tajuk Projek / Kajian :
5. Sumber Pembiayaan / Jenis Peruntukan :
6. Kod SETIA Projek :
7. Bilang Peruntukan Projek / Kajian yang diluluskan EPU :
8. Kategori Projek / Kajian :
9. Kementerian / Agensi Pengguna :
10. Kementerian / Agensi Pelaksana :
14. Nama Pemohon / Pegawai Bertanggungjawab :
15. No. Telefon :
16. Alamat Email :

BIL.	KEPERLUAN PERMOHONAN	TANDAKAN (✓)	Uraian
A SURAT DAN DOKUMEN WAJIB			
1.	Surat permohonan ukur daripada pejabat pemohon	☐	
2.	Dokumen pengesahan peruntukan	☐	
3.	Brief projek daripada pelanggan.	☐	
4.	Pengesahan status lot tanah daripada pelanggan yang ada mempunyai hakmilik kekal atau hakmilik sementara, atau menyediakan pelan pra-hitung atau pelan lakaran tapaklokasi projek yang telah disahkan atau orang yang diberi kuasa untuk mengesahkan kebenaran tanah.	☐	
5.	Skop Kerja yang lengkap iaitu:		
	a) Lakaran kawasan keperluan ukur beserta koordinat menunjukkan kedudukan/lokasi kawasan ukur di tapak projek.	☐	
	b) Menyatakan keluasan kawasan ukur di tapak projek beserta zon penampakan (koridor) berpandukan lot tanah atau pelan seperti di para 4.	☐	
B KEPERLUAN TAMBAHAN (Sila kepitkan lampiran jika berkenaan)			
	Pemohon tandakan menyatakan pada ruang dibawah:		

Tandatangan :

Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :

CAWANGAN IBU PEJABAT JKR (TIDAK TERMASUK CAWANGAN JALAN)

Bil	Proses Kerja	Pihak Yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Dokumen Rujukan / Borang / Lampiran
			<pre> graph TD MULA([MULA]) --> S1[] S1 --> S2[] S2 --> S3[] S3 --> S4[] S4 --> S5[] S5 --> S6[] S6 --> S7[] S7 --> S8[] S8 --> S9[] S9 --> S10[] S10 --> TAMAT([TAMAT]) </pre>	
1.	Terima dan semak permohonan pelantikan perkhidmatan perunding ukur tanah.	BUT, CKIP		
2.	Sediakan TOR serta Anggaran Kos dan kemukakan kepada HOPT.	BUT, CKIP		
3.	HOPT mempersebut TOR serta Anggaran Kos dan mengesahkan peruntukan mencukuzi.	HOPT		
4.	Kemukakan permohonan nama perunding kepada Pengarah CKIP.	BUT, CKIP		
5.	Perakuan dan Kelulusan Nama Perunding sepertimana dalam Senarai Daftar Induk yang telah diluluskan oleh JPSN.	Pegawai ≥ J48 & Pengarah CKIP		
6.	Kemukakan Surat Pelawaan berserta Dokumen Pelawaan kepada perunding yang diluluskan.	BUT, CKIP		
7.	Terima dan semak CTK daripada perunding yang dipelawa.	BUT, CKIP		
8.	Memuktamadkan CTK perunding.	Pegawai ≥ J41 & Pegawai ≥ J48		Lampiran E
9.	Menyedia dan menguruskan SST dan Dokumen Perjanjian.	BUT, CKIP		
10.	Kemukakan senarai perunding yang dilantik kepada Pengarah CKIP.	BUT, CKIP		Lampiran D

PROSES DAN ALIRAN KERJA PELANTIKAN PERUNDING DI BAWAH CKIP

CAWANGAN JALAN

Bil	Proses Kerja	Pihak Yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Dokumen Rujukan / Borang / Lampiran
			<pre> graph TD MULA([MULA]) --> B1[] B1 --> B2[] B2 --> B3[] B3 --> B4[] B4 --> B5[] B5 --> B6[] B6 --> B7[] B7 --> B8[] B8 --> B9[] B9 --> TAMAT([TAMAT]) </pre>	
1.	Penentuan keperluan perkhidmatan perunding.	HODT CJ		
2.	Sediakan TOR serta Anggaran Kos dan seterusnya dimuktamadkan di peringkat CJ.	HODT CJ		
3.	Kemukakan permohonan pemilihan nama perunding kepada Pengarah CKIP.	CJ		
4.	Penerimaan Keputusan Nama Perunding Ukur Tanah daripada CKIP.	CJ		
5.	Kemukakan Surat Pelawaan berserta Dokumen Pelawaan kepada perunding yang diluluskan.	HODT CJ		
6.	Terima dan semak CTK daripada perunding yang dipelawa.	HODT CJ		
7.	Memuktamadkan CTK perunding.	Pegawai $\geq$ J41 & Pegawai $\geq$ J48		Lampiran E
8.	Menyedia dan menguruskan SST dan Dokumen Perjanjian.	HODT CJ		
9.	Kemukakan senarai perunding yang dilantik kepada Pengarah CKIP.	CJ		Lampiran D

PROSES DAN ALIRAN KERJA PELANTIKAN PERUNDING DI BAWAH CAWANGAN JALAN

JKR NEGERI

PROSES DAN ALIRAN KERJA PELANTIKAN PERUNDING DI BAWAH JKR NEGERI

Bil	Proses Kerja	Pihak Yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Dokumen Rujukan / Borang / Lampiran
			<pre> graph TD MULA([MULA]) --> S1[] S1 --> S2[] S2 --> S3[] S3 --> S4[] S4 --> S5[] S5 --> S6[] S6 --> S7[] S7 --> S8[] S8 --> S9[] S9 --> TAMAT([TAMAT]) </pre>	
1.	Penentuan keperluan perkhidmatan perunding.	JKR Negeri		
2.	Sediakan TOR serta Anggaran Kos dan seterusnya dimuktamadkan di peringkat JKR Negeri.	JKR Negeri		
3.	Kemukakan permohonan pemilihan nama perunding kepada Pengarah CKIP.	JKR Negeri		
4.	Penerimaan Keputusan Nama Perunding Ukur Tanah daripada CKIP.	JKR Negeri		
5.	Kemukakan Surat Pelawaan berserta Dokumen Pelawaan kepada perunding yang diluluskan.	JKR Negeri		
6.	Terima dan semak CTK daripada perunding yang dipelawa.	JKR Negeri		
7.	Memuktamadkan CTK perunding.	Pegawai ≥ J41 & Pegawai ≥ J48		Lampiran E
8.	Menyedia dan menguruskan SST dan Dokumen Perjanjian.	JKR Negeri		
9.	Kemukakan senarai perunding yang dilantik kepada Pengarah CKIP.	JKR Negeri		Lampiran D



SEKIAN, TERIMA KASIH